

08 FEB 2001

Samy-Estet

SAMY VELLU PUJI PERJANJIAN GAJI BULANAN PEKERJA LADANG

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu menyambut baik keputusan membayar gaji bulanan sekurang-kurangnya RM325 kepada pekerja ladang, dan berkata ia sudah terlalu lama tertangguh.

"Ia adalah langkah betul ke arah mendapatkan gaji bulanan minimum untuk para pekerja dalam keseluruhan sektor estet, termasuk penoreh getah," kata Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, semasa diminta mengulas mengenai perjanjian bersama antara Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia (MAPA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) semalam.

Di bawah perjanjian itu, yang dipersetujui selepas lebih setahun berunding, seramai 45,000 pekerja ladang di 450 estet kelapa sawit di seluruh negara akan menikmati gaji bulanan.

Semalam, Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn yang mengumumkan perjanjian itu berkata bayaran gaji bulanan itu, yang juga meliputi pekerja kilang kelapa sawit, akan bermula pada 1 Jan tahun ini hingga 2003.

Dr Fong berkata kedua-dua pihak bersetuju bahawa pendapatan minimum setiap bulan ialah RM325 sebagai syarat bahawa pekerja itu datang bekerja setiap hari dan menjalankan tugas mengikut arahan.

Samy Vellu juga mengucapkan tahniah kepada NUPW di atas kesabarannya dalam memperjuangkan tindakan itu.

Menteri itu berkata MIC, yang berada di barisan depan dalam perjuangan itu, turut memperjuangkan gaji bulanan untuk para pekerja ladang.

"Perjuangan itu sudah berlangsung lebih dua dekad," katanya.

Samy Vellu juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan kerana mengambil berat tentang kebajikan para pekerja ladang.

Beliau juga berterima kasih kepada Dr Fong kerana berusaha membawa MAPA dan NUPW ke meja perundingan.

-- BERNAMA

ES ES NAK